

FIMA

1973

KUALA LUMPUR, 20 FEB (BERNAMA) --- SATU STRATEJI YANG PASTI DALAM USAHA-USAHA MEMAJUKAN PERUSAHAAN MAKANAN DI MALAYSIA OLEH BADAN-BADAN KERAJAAN TELAH DIRENCANAKAN DALAM SATU MESYUARAT KHAS ANJORAN SYARIKAT PERUSAHAAN MAKANAN MALAYSIA ATAU FIMA DI SINI KELMARIN.

MESYUARAT TERSEBUT YANG MEMBINCANGKAN KERJASAMA DAN PENYESUAIAN KERJA ANTARA FIMA DAN JABATAN-JABATAN DAN BADAN KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN PERKEMBANGAN, PENYELIDEKAN, KERJA PROSES, PERKILANGAN DAN PEMASARAN TELAH DIPENGERUSIKAN OLEH PENERUSI FIMA, DR. MAHATHIR MUHAMAD.

SELEPAS MESYUARAT TERSEBUT, DR. MAHATHIR BERKATA, *KAMI TELAH MENCAPAI PERSAFAHAMAN TENTANG FUGAS-TUGAS JABATAN DAN BADAN KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM PENGELUARAN DAN PENYELIDEKAN MAKANAN*.

KATANYA, PADA KESELURUHANNYA FIMA SEBAGAI SEBUAH BADAN PERNIAGAAN KERAJAAN HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN YANG ULUNG DALAM PERUSAHAAN PERUSAHAAN MAKANAN SEMENTARA JABATAN-JABATAN KERAJAAN HENDAKLAH BERUSAHA TERUS DIBIDANG PENGELUARAN DAN PENYELIDEKAN.

BAHAGIAN-BAHAGIAN PENYELIDEKAN, JABATAN PERTANIAN TELAH BERSETUJU MENYERAHKAN KEPADA FIMA HASIL-HASIL PENYELIDEKAN DAN MENJALANKAN KAJIAN-KAJIAN KHUSUS ATAS PERMINTAAN FIMA. --BESAMBONG 1955/YF

692

FIMA-2-KUALA LUMPUR.

113

DR. MAHATHIR BERKATA, BAHAWA FIMA DALAM MELAKSANAKAN USAHA-USAHANYA AKAN MENKAJI KEMUNGKINAN BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA DAN PERSATUAN PELADANG DAN JUGA BERSETUJU MENIMBANG KEMUNGKINAN MEMBIAYAI PROJEK-PROJEKNYA DENGAN WANG DARI BANK RAKYAT.

WALAU BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA Sambil Mendapatkan Peyelerasan yang lebeh luas dengan badan-badan kerajaan, FIMA akan terus menrintis dan menyambut kerjasama yang lebeh rapat dengan hak suwasta. - BERNAMA2001/YF